



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	20/01/2013

© AHAD 20 JANUARI 2013

BH

# 'Sikap taksub rugi bangsa'

BH-20/1/2013

» Dr Mahathir mahu orang Melayu bersatu elak perpecahan

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar

faridzwan@bharian.com.my

► Bukit Mertajam

**T**un Dr Mahathir Mohamad mahu orang Melayu menggunakan akal ketika membuat keputusan dan tidak berpandu kepada emosi serta perasaan sehingga merugikan bangsa dan negara.

Bekas Perdana Menteri berkata, jika orang Melayu mahu sentiasa dihormati dan disegani, mereka perlu bersatu padu serta tidak mudah terpengaruh dan taksub dengan pihak yang hanya berjuang untuk kepentingan sendiri.

"Ada yang begitu taksub dengan pemimpin mereka hingga pemimpin buat salah masih lagi mereka sokong, sebab itu kita harus berhati-hati apabila



Dr Mahathir ketika hadir merasmikan Konvensyen Transformasi Ekonomi dan Pelajaran Melayu Pulau Pinang di UiTM Pulau Pinang, semalam.

[FOTO DANIAL SAAD/BH]

kita benarkan diri kita dipengaruhi oleh emosi, perasaan dan semangat.

### Dorong kesilapan

"Emosi saja mungkin akan mendorong kita buat sesuatu yang salah, maka emosi perlu dibantu dan disokong oleh akal fikiran, kita perlu buat penilaian dengan akal fikiran untuk

tentukan emosi kita itu mendorong ke arah kebaikan," katanya selepas merasmikan konvensyen 'Transformasi Ekonomi dan Pelajaran Melayu Pulau Pinang 2013' anjuran Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) Pulau Pinang di Dewan Utama, Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Permatang Pauh, semalam.

### Cadang tubuh RCI

Sementara itu, Dr Mahathir Mohamad mencadangkan agar ditubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyalut isu pemberian taraf kerakyatan kepada sejuta pendatang asing di Persekutuan Tanah Melayu sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan.